

## **PENGARUH KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERHADAP KEPUASAN PELAJAR KOLEJ TEKNIKAL YAYASAN SABAH**

**Mazni Muhammad**

Fakulti Bahasa dan Pendidikan,  
Universiti Melaka

*Corresponding Author's Email: dr.mazni@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 13 October 2022*

*Accepted : 10 November 2022*

*Published : 31 December 2022*

### **ABSTRAK**

Kualiti pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam menentukan kepuasan seseorang pelajar. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk meninjau persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS). Antara aspek yang dinilai adalah penilaian rancangan pengajaran, penilaian kursus, penilaian pensyarah dan penilaian kualiti maklum balas pensyarah. Satu set soal selidik yang mengandungi 65 item telah diguna pakai dalam kajian ini. Responden yang dipilih secara rawak yang melibatkan pelajar-pelajar program kerjasama KTYS-KUIM dan KTYS-UTM seramai 181 orang. Kajian ini mendapat bahawa kualiti pengajaran dan pembelajaran berada pada skor min yang tinggi iaitu  $M=4.03$ . Dapatkan kajian Ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran ( $p=0.006<0.05$ ) dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap kepuasan ( $p=0.534>0.05$ ) mengikut program kerjasama KTYS-KUIM dan KTYS-UTM. Hasil analisis korelasi Pearson pula didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan bagi kualiti pengajaran dan pembelajaran ( $r = 0.584$ ,  $p<0.001$ ) dengan kepuasan pelajar. Manakala, analisis regresi berganda menunjukkan kualiti pengajaran dan pembelajaran secara signifikan mempengaruhi kepuasan pelajar iaitu dengan nilai  $\beta$  adalah  $\beta=0.341$ . Secara keseluruhannya pelajar berpuas hati terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan di KTYS.

**Kata kunci:** Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran, Kepuasan, KTYS

### ***THE INFLUENCE OF TEACHING AND LEARNING QUALITY ON THE SATISFACTION OF SABAH FOUNDATION TECHNICAL COLLEGE STUDENTS (KTYS)***

### **ABSTRACT**

*The quality of teaching and learning plays an important role in determining the satisfaction of a student. This study was conducted to survey students' perceptions of the quality of teaching and learning at Yayasan Sabah Technical College (KTYS). Criteria evaluated through aspects are evaluation of lesson plan, course, lecturer and the quality of lecturer feedback. A set of questionnaires containing 65 items was used in this study. This set of questionnaires must be answered by all randomly selected respondents who are students of collaboration from KTYS-KUIM and KTYS-UTM programs. A total of 181 respondents answered the questionnaire. This study found that the quality of teaching and learning has a high mean score of  $M=4.03$ . The results of the t test study show that there is a significant difference in student perception of the quality of teaching and learning ( $p=0.006<0.05$ ) and there is no significant difference in student perception of satisfaction ( $p=.0.534>0.05$ ) according to the KTYS-KUIM and*

*KTYS- UTM. The result of Pearson's correlation analysis found that there is a significant relationship between the quality of teaching and learning ( $r = 0.584, p < 0.001$ ) and student satisfaction. Meanwhile, multiple regression analysis shows that the quality of teaching and learning significantly affects student satisfaction, with a  $\beta$  value of  $\beta=0.341$ . Overall, students are satisfied with the quality of teaching and learning offered at KTYS.*

*Keywords:* Teaching and Learning Quality, Satisfaction, KTYS

## **PENGENALAN**

Kejayaan dan kecemerlangan seseorang pelajar bermula dari suasana pembelajaran yang selesa, berkualiti dan dalam keadaan baik. Suasana persekitaran pembelajaran yang memenuhi atau menepati keperluan adalah faktor yang mendorong kejayaan dan kepuasan seseorang individu atau sesuatu organisasi. Pihak pengurusan atau organisasi haruslah mengutamakan penyediaan kemudahan dan mengekalkan kualiti agar memenuhi tahap kepuasan pelajar.

Dalam kamus kehidupan seorang pelajar, perkara asas yang perlu dititiberat ialah kepuasan mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disediakan kepada mereka sepanjang mereka mengikuti program pengajian masing-masing. Kepentingan penilaian kepuasan pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah kerana P&P merupakan *core business* bagi sesebuah Institusi Pengajian Tinggi sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Ia merupakan satu proses yang sangat unik dalam bidang pendidikan. Berjayanya proses ini maka berjayaalah proses penyampaian ilmu untuk membentuk seseorang pelajar dan berjaya memberi kepuasan kepada pelajar. Pendidik bukan sahaja dipertanggungjawab untuk membekalkan generasi baru dengan ilmu pengetahuan tetapi juga untuk menyemai nilai-nilai hidup yang boleh menentukan jaya atau tidaknya masyarakat dan bangsa. Mungkin peranan ini yang terletak di bahu mereka dianggap terlalu berat tetapi bagi seorang pengajar yang ikhlas dan bertanggungjawab akan dapat melaksanakannya dengan baik dan berkualiti. Begitu juga dengan peranan pensyarah sebagai tenaga pengajar adalah sama penting dalam melahirkan pelajar yang berketrampilan dan berkesan. Pengajaran yang baik dihasilkan oleh pensyarah mampu untuk merangsang murid supaya menimbulkan minat mereka untuk melibatkan diri di dalam proses pembelajaran, mengadakan suasana yang boleh mendatangkan proses pemikiran serta mengekalkan konsep itu.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kepuasan merupakan sesuatu yang amat dituntut oleh naluri seseorang manusia. Ia merupakan sesuatu yang lahir hasil daripada tindakbalas perasaan terhadap sesuatu aktiviti yang dilakukan. Bagi seseorang pelajar, kepuasan mereka merangkumi kepuasan terhadap pengajaran dan pembelajaran yang mana ia melibatkan teknik dan kaedah pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah serta kepuasan mereka terhadap prasarana yang disediakan oleh sesebuah institusi pendidikan yang menjadi pilihan mereka.

Dari aspek memberi kepuasan kepada pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran, sudah tentu ia berhubung kait dengan pensyarah seperti mereka semestinya mempunyai pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan sikap yang baik di dalam dan di luar kelas serta penyampaian pengajaran mereka jelas dan menarik minat pelajar. Malah kunci kepada perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia hari ini ialah melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Menurut Nooraini & Khairul Anuar (2017), seorang pendidik yang kompeten mesti mempunyai pengalaman yang luas dan banyak dalam bidangnya dan berada dalam perkhidmatan untuk jangka masa yang agak lama. Ini kerana mereka mengajar pelajar berfikir secara luas dan tinggi seperti membuat perbandingan, hubungan bertahap, mempertimbangkan perspektif yang berbeza, menerapkan konsep untuk kehidupan seharian, membuat kesimpulan, menjana idea, menilai isu semasa dan mengenal pasti maklumat dengan tepat. Pandangan ini disokong oleh Norhidani dan Norasmah (2018). Pengalaman mengajar dalam pendidikan adalah salah satu syarat asas terpenting untuk pengajaran berkesan. Menurut Muhammad Rakib et al., (2016) dalam Norhidani dan Norasmah (2018), semakin banyak pengalaman mengajar yang dimiliki seorang guru, semakin tinggi profesionalisme. Menurut Norhaiza (2015), guru berpengalaman

menyumbang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan memantau aktiviti P&P dan menyampaikan maklumat. Di samping itu, menurut Tang dan Lim (2002) dalam Siti Aisyah (2017), seorang pengajar yang kompeten atau berpengetahuan tinggi akan memindahkan pengetahuan dengan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran semudah mungkin, yang dapat menjadikan persekitaran pembelajaran lebih menyenangkan dan menarik untuk pelajar. Oleh itu, penilaian terhadap kepuasan pelajar adalah penting dan mesti dilaksanakan oleh sebuah institusi pendidikan bagi menilai kepuasan pelanggannya lebih-lebih lagi bagi Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti Kolej Teknikal Yayasan Sabah. Ini adalah kerana Kolej atau Institusi Pendidikan diibaratkan sebagai sebuah kilang yang mencipta dan melahirkan modal insan yang cemerlang dan berjaya yang akan memenuhi permintaan masa hadapan. Oleh itu, kepuasan mereka mestilah dipantau dan diambil berat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pada masa kini kehidupan yang serba canggih dan moden ini menjadikan manusia menginginkan kepuasan yang lebih sempurna dalam hidup mereka. Begitu juga bagi seseorang pelajar, mereka ingin kepuasan yang lebih baik terutama dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS) merupakan salah satu Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang sudah terkenal dan sudah lama bertapak di negeri Sabah. Sudah tentu institusi ini ingin menjaga reputasi dan nama baik mereka di persada arus pendidikan masa kini. Tidak dinafikan, setiap organisasi atau institusi juga sudah tentu mempunyai misi, visi dan wawasan yang tersendiri untuk menghasilkan mutu kerja yang cemerlang yang dapat memberi pulangan keuntungan kepada institusi dan kepuasan yang lebih kepada pelanggan mereka. Justeru, atas kepentingan untuk kepuasan pelanggan, maka pemantauan dan penilaian adalah perlu untuk dilaksanakan. Pemantauan dan penilaian ini untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan di KTYS. Segala masalah yang timbul akan dikemukakan dan diselesaikan oleh pihak pengurusan KTYS. Persoalan yang akan dikupas, adakah kualiti pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan di KTYS mampu memberi kepuasan kepada para pelajar mereka? Kepuasan pelajar ini penting untuk kelangsungan masa depan kolej yang lebih baik.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di Kolej Teknikal Yayasan Sabah.
2. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kepuasan di Kolej Teknikal Yayasan Sabah.
3. Mengenal pasti perbezaan persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di Kolej Teknikal Yayasan Sabah mengikut program.
4. Mengenal pasti perbezaan persepsi pelajar terhadap kepuasan di Kolej Teknikal Yayasan Sabah mengikut program.
5. Mengenalpasti hubungan antara kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan kepuasan pelajar.
6. Mengkaji pengaruh kualiti pengajaran dan pembelajaran terhadap kepuasan pelajar di Kolej Teknikal Yayasan Sabah.

## **HIPOTESIS KAJIAN**

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- H01 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di Kolej Teknikal Yayasan Sabah mengikut program.
- H02 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap kepuasan di Kolej Teknikal Yayasan Sabah mengikut program.

- H03 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan kepuasan pelajar di Kolej Teknikal Yayasan Sabah.
- H04 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara kualiti pengajaran dan pembelajaran terhadap kepuasan pelajar di Kolej Teknikal Yayasan Sabah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan bukan eksperimen. Kajian ini menggunakan kaedah kajian Deskriptif Tinjauan Sampel (*Descriptive Sample Survey*), yang biasa digunakan dalam penyelidikan pendidikan untuk mengumpulkan data dari sebahagian populasi mengenai pemboleh ubah kajian dan untuk mencirikan fenomena yang sedang berlaku. Teknik kuantitatif digunakan untuk membuat pengumpulan data lebih mudah di samping menjaga kebolehpercayaan, kesahan dan keterangan data. Mendapatkan data yang dikutip melalui pengukuran terhadap objektif sesuatu kajian supaya kajian tersebut dapat digeneralisasikan.

Statistik Deskriptif dan Statistik Inferensi digunakan untuk menganalisis data-data yang diperolehi dari soal selidik. Data yang diperolehi daripada setiap borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science for Windows* (SPSS). Ini termasuklah taburan responden mengikut program pengajian yang ditetapkan. Selain itu, persepsi responden terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran, perbezaan persepsi responden mengikut kolej dan mengkaji hubungan antara kualiti pengajaran dan pembelajaran terhadap kepuasan pelajar serta pengaruh kualiti pengajaran dan pembelajaran terhadap kepuasan pelajar di KTYS.

## **POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN**

Kajian ini dijalankan terhadap 181 orang responden sebagai sampel daripada 252 orang pelajar program kerjasama Kolej Teknikal Yayasan Sabah sesi Jan 2017. Ini adalah merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970), di mana menurut mereka penetapan jumlah sampel adalah berdasarkan kepada jumlah populasi. Responden-responden kajian ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar diploma daripada dua (2) program kerjasama KTYS telah diminta untuk mengisi borang soal selidik. Manakala pemilihan sampel dilakukan adalah merujuk kepada Jadual 1:

**Jadual 1:** Bilangan Populasi dan Sampel Kajian

<b>Program</b>	<b>Populasi</b>	<b>Sampel</b>
Program Kerjasama KTYS-KUIM	94	73
Prorgam Kerjasama KTYS-UTM	158	108

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Kaedah pengumpulan data yang sesuai digunakan untuk mengumpul data-data yang berkaitan dengan topik kajian dan kaedah analisis data akan diaplifikasi untuk menyusun kajian secara sistematik seterusnya mencapai objektif yang digariskan. Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan data dan maklumat melalui borang soal selidik yang diedarkan. Borang soal selidik ini dibahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah berkaitan dengan demografi responden. Ia terdiri daripada item-item seperti jantina, bangsa dan program pengajian. Bahagian B, mengkaji tentang kualiti pengajaran dan pembelajaran iaitu penilaian rancangan pengajaran, penilaian kursus, penilaian pensyarah dan penilaian kualiti maklum balas pensyarah. Manakala Bahagian C, mengkaji tentang kepuasan pelajar KTYS terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan. Dalam borang soal selidik tersebut, penilaian dari aspek kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah diubahsuai

daripada borang penilaian pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di Kolej Teknikal Yayasan Sabah iaitu Borang Maklum Balas Pelajar Penilaian Proses Pengajaran dan Pembelajaran (Teori) melalui borang PPPP(T)-11(1)/6-15 yang merupakan data primer dan juga maklumat-maklumat lain yang berkaitan melalui hasil kajian yang lepas. Instrumen yang digunakan ini melibatkan skala ukuran likert lima mata. Ukuran skala kekerapan yang digunakan adalah seperti di Jadual 2:

**Jadual 2:** Skala Likert Lima Mata

<b>Skor</b>	<b>Pemberatan</b>
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Semasa proses analisis dijalankan, min dan sisihan piawai bagi setiap item diambil kira. Justeru, skor min dikategorikan kepada tiga tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3:

**Jadual 3:** Pembahagian Skor Mengikut Tahap Kecenderungan

<b>Min</b>	<b>Tahap Kecenderungan</b>
<b>1.00 – 2.33</b>	Rendah
<b>2.34 – 3.66</b>	Sederhana
<b>3.67 – 5.00</b>	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Levin dan Rubin (2000) dalam Rugayah & Erliana (2015)

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian menunjukkan bilangan responden pelajar bagi program kerjasama KTYS-KUIM iaitu seramai 73 orang responden (40.3%) dan bilangan responden bagi program kerjasama KTYS-UTM adalah seramai 108 orang responden (59.7%). Daripada data yang ditunjukkan bilangan responden yang paling ramai dalam kajian ini adalah terdiri daripada responden pelajar bagi program kerjasama KTYS-UTM.

### **Soalan Kajian 1: Apakah Persepsi Pelajar Terhadap Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Teknikal Yayasan Sabah**

Hasil dapatan kajian ini responden telah memberi maklum balas iaitu sebanyak 48.1 % hingga 56.9 % daripada responden setuju dengan penilaian terhadap rancangan pengajaran yang disampaikan oleh para pensyarah dalam proses pengajarannya. Penilaian ini merangkumi kejelasan tentang topik-topik yang dipelajari pada awal setiap kursus dalam program pengajaran yang diambil oleh mereka. Selain itu, pensyarah juga memberi rangka kursus pada awal setiap semester. Responden juga setuju pensyarah telah menggunakan bahan bantu mengajar seperti audio dan visual semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung di samping menyediakan nota edaran, modul dan bahan-bahan rujukan sampingan yang lain.

Dapatan dari analisis juga menunjukkan sebanyak 50.8 % hingga 55.2 % daripada responden setuju dengan penilaian kursus yang mereka pelajari. Ini bermakna ada kesejajaran hasil pembelajaran dengan aktiviti kursus, keseimbangan beban kerja dan kandungan kursus bersesuaian dengan matlamat program pengajaran yang mereka pelajar.

Hasil kajian juga menunjukkan 49.7 % hingga 56.4 % responden yang bersetuju dengan penilaian terhadap pensyarah. Ia merangkumi aspek keberkesanan interaksi antara pensyarah dengan pelajar, minat, semangat, gaya penyampaian, usaha, kesabaran dan keupayaan pensyarah dalam mengendalikan kelas untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang efektif dan menyeronokkan. Daripada dapatan juga terdapat sebanyak 52.5 % hingga 59.7 % yang setuju dengan penilaian kualiti maklum balas pensyarah. Responden bersetuju dengan pendekatan pengajaran pensyarah termasuklah jangka masa yang diambil oleh seseorang pensyarah untuk memberi maklum balas berkaitan dengan sesuatu penilaian yang dibuat yang melibatkan pemarkahan bagi prestasi mereka, kesesuaian kaedah yang digunakan oleh pensyarah dalam menaksir kerja pelajar dan responden juga setuju dengan masa yang diberikan oleh pensyarah untuk pelajar menyiapkan tugas mereka. Manakala merujuk kepada Jadual 4, dapatan kajian mendapati skor min bagi aspek Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu  $M = 4.03$ .

**Jadual 4:** Skor Min Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran

<b>Descriptive Statistics</b>			
	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran	181	4.03	Tinggi

Secara keseluruhannya analisis kajian bagi aspek Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran ini dapat dirumus seperti dalam Jadual 5:

**Jadual 5:** Tahap Persepsi Terhadap Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran

<b>Skor Min</b>	<b>Tahap Persepsi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus %</b>
Tinggi	3.67 – 5.00	181	100

Sumber: Adaptasi daripada Levin dan Rubin (2000) dalam Rugayah & Erliana (2015)

### **Soalan Kajian 2: Apakah Persepsi Pelajar Terhadap kepuasan di Kolej Teknikal Yayasan Sabah**

Responden telah memberi maklum balas tentang kepuasan mereka belajar di kolej merangkumi semua aspek pengajaran dan pembelajaran yang disediakan. Terdapat sebanyak 38.7% hingga 53.6% responden setuju dan berpuas hati dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan teknik pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah yang melibatkan penilaian rancangan pengajaran, penilaian kesesuaian kursus, penilaian teknik dan kaedah pengajaran oleh pensyarah dan penilaian maklumbalas pensyarah yang berkaitan dengan prestasi pelajar. Manakala Jadual 6 menerangkan tentang skor min bagi aspek kepuasan iaitu  $M = 3.89$ .

**Jadual 6:** Skor Min Aspek Kepuasan

<b>Descriptive Statistics</b>			
	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Tahap</b>
Kepuasan	181	3.89	Tinggi

Rumusannya, skor min 3.89 bagi aspek kepuasan adalah berada pada tahap yang tinggi sama seperti tahap persepsi kualiti pengajaran dan pembelajaran.

**Soalan Kajian 3: Adakah Terdapat Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Teknikal Yayasan Sabah Mengikut Program**

Berdasarkan Jadual 7 didapati nilai t bagi perbandingan persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran mengikut program ialah  $t = -2.772$  dan tahap signifikan  $p=.006$ . Tahap signifikan ini lebih kecil daripada  $0.05$  ( $p<0.05$ ). Oleh itu, hipotesis Nul ( $H_0$ ) ditolak. Jadi, terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran mengikut program kerjasama KTYS-KUIM dan KTYS-UTM.

**Jadual 7:** Hasil Ujian t Persepsi Pelajar Terhadap Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Program

Pengajaran dan Pembelajaran	Program Kerjasama	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
	KUIM	73	3.9077	.45154	.05285
	UTM	108	4.1194	.53633	.05161

Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran	Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means							
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference		
								Lower	Upper	
Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran	Equal variances assumed	2.906	.090	-2.772	179	.006	-.21168	.07636	-.36236	-.06101
	Equal variances not assumed			-2.866	170.477	.005	-.21168	.07387	-.35750	-.06587

**Soalan Kajian 4: Adakah Terdapat Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Kepuasan di Kolej Teknikal Yayasan Sabah Mengikut Program**

Jadual 8 menunjukkan nilai t bagi perbandingan persepsi pelajar terhadap kepuasan mengikut program ialah  $t = -.624$  dan tahap signifikan  $p=.0.534$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada  $0.05$  ( $p>0.05$ ). Oleh itu, hipotesis Nul ( $H_0$ ) gagal ditolak. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi pelajar terhadap kepuasan mengikut program kerjasama KTYS-KUIM dan KTYS-UTM.

**Jadual 8: Hasil Ujian t persepsi pelajar terhadap kepuasan mengikut program**

Kepuasan	Program Kerjasama	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
	KUIM	73	3.8677	.43588	.05102
	UTM	108	3.9198	.61594	.05927

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
									Lower	Upper
Kepuasan	Equal variances assumed	8.168	.005	-.624	179	.534	-.05204	.08343	-.21668	.11259
	Equal variances not assumed			-.666	178.595	.507	-.05204	.07820	-.20636	.10227

**Soalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan antara kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan kepuasan pelajar.**

Analisis daripada Jadual 9 didapati pekali korelasi  $r = 0.584$  dan tahap signifikan  $p=.001$ . Tahap signifikan ini lebih kecil daripada  $0.05$  ( $p<0.05$ ). Oleh itu, hipotesis Nul ( $H_0$ ) ditolak. Jadi, terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan kepuasan pelajar. Ini bermakna pengajaran dan pembelajaran yang berkesan mempunyai hubungan yang kuat dengan kepuasan pelajar iaitu semakin tinggi pencapaian pengajaran dan pembelajaran maka semakin tinggi juga kepuasan pelajar untuk belajar.

**Jadual 9:** Hasil Ujian Korelasi Hasil Darab Momen Pearson antara Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran dengan Kepuasan Pelajar

kepuasan		
Kualiti Pengajaran	Pearson Correlation	.584 **
dan Pembelajaran	Sig. (2-tailed)	.000
	N	181

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2 tailed).

**Soalan Kajian 6: Adakah terdapat pengaruh kualiti pengajaran dan pembelajaran terhadap kepuasan pelajar di Kolej Teknikal Yayasan Sabah.**

Model regresi ini adalah untuk meninjau pengaruh antara kualiti pengajaran dan pembelajaran dan terhadap kepuasan pelajar di KTYS. Hasil dapatan menunjukkan pembolehubah tidak bersandar (kualiti pengajaran dan pembelajaran) mempunyai pengaruh atau kesan terhadap kepuasan pelajar di KTYS dengan nilai F yang signifikan pada  $\alpha=0.00$ . Oleh itu, hipotesis Null ( $H_0$ ) ditolak. Maka, terdapat pengaruh yang signifikan antara kualiti pengajaran dan pembelajaran terhadap kepuasan pelajar KTYS. Justeru, daripada dapatan ini dapat diuraikan bahawa kualiti pengajaran dan pembelajaran yang baik akan mempengaruhi dan memberi kesan kepada kepuasan pelajar.

**Jadual 10:** Hasil Ujian Regresi Berganda antara Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Kepuasan Pelajar

Mod el	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Change Statistics				
					R Square Change	F Change	df1	df2	Sig. F Change
1	.584 <sup>a</sup>	.341	.337	.44758	.341	92.512	1	179	.000

a. Predictors: (Constant), pengajaran

Kesimpulan, pembolehubah tidak bersandar iaitu kualiti pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu kepuasan pelajar di Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS).

## PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakkan pelajar bersetuju dengan teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran pensyarah di KTYS. Responden bersetuju dengan penilaian rancangan pengajaran, penilaian kursus, penilaian pensyarah dan penilaian maklum balas pensyarah sebelum memulakan sesi pengajaran, semasa dan selepas selesai sesi tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa cadangan kepada pensyarah ialah:

- i. Pensyarah perlu membuat persediaan awal sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Persediaan awal ini meliputi persediaan dari segi mental dan fizikal. Penyampaian yang baik, sempurna, tersusun dan bersedia untuk memulakan sesi kuliah amat penting untuk menarik minat pelajar dan melahirkan persepsi positif pada pensyarah. Keyakinan dan kepercayaan para pelajar terhadap pensyarah akan mendorong kepada semangat untuk belajar dengan bersungguh-sungguh dan dapat memuaskan hati pelajar.
- ii. Pensyarah juga perlu ada teknik dan kemahiran untuk menarik minat pelajar iaitu dengan mengemukakan soalan-soalan kepada pelajar dan sedia menjawab soalan-soalan daripada pelajar. Kemudian menjelaskan dengan tepat persoalan tersebut nescaya dipercayai dapat menimbulkan persepsi yang positif di kalangan pelajar.
- iii. Pensyarah juga perlu meningkatkan profesionalisme diri mereka dari aspek pengetahuan, kemahiran dan personaliti melalui pembelajaran kendiri atau menghadiri kursus-kursus dalam perkhidmatan yang berkaitan dengan pendidikan seperti kursus pedagogi, kursus *Outcome Based Education* (OBE) dan sebagainya.

Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada para pensyarah untuk memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran sedia ada supaya kepuasan belajar dapat diperhebatkan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu dan prestasi pelajar KTYS pada masa akan datang.

## RUMUSAN

Hasil kajian ini secara keseluruhannya memperlihatkan bahawa pengaruh kualiti pengajaran dan pembelajaran terhadap kepuasan pelajar adalah berada pada tahap yang tinggi daripada empat aspek yang dikaji iaitu penilaian rancangan pengajaran, penilaian kursus, penilaian pensyarah dan penilaian maklum balas pensyarah. Justeru, hasil dapatkan kajian ini telah dirumuskan dan pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan yang diharap dapat membawa kebaikan dan manfaat kepada pihak yang terlibat khususnya pihak Pengurusan Tertinggi KTYS. Kajian-kajian yang berkaitan dengan penilaian pengajaran dan pembelajaran ini perlu dilakukan secara berterusan dari pelbagai aspek. Kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana kepuasan pelajar terhadap kemudahan yang disediakan oleh pihak organisasi dari sudut pengajaran dan pembelajaran yang disediakan. Dengan adanya kajian lanjut dan berterusan ini sudah pasti segala kekurangan dan kepincangan akan dapat diatasi secepat mungkin.

## **RUJUKAN**

- Abdul Khalid Juraimi. (2018). Faktor Mempengaruhi Kepuasan Proses Pembelajaran Pelajar Kejuruteraan Loji. Dipetik dari [https://upikpolimas.edu.my/conference/index.php/icompex/icomplex\\_2018/paper/viewFile/404/225](https://upikpolimas.edu.my/conference/index.php/icompex/icomplex_2018/paper/viewFile/404/225) pada 06 September 2019.
- Abdul Mutalib Mohamed Azim, Nurulhayah Muhamad & Muhammad Fahimi Sofian. (2017). Faktor Pengajaran Dan Pembelajaran Mempengaruhi Kepuasan Pelajar. Dipetik dari [https://worldconferences.net/proceedings/gse2017/Fullpaper%20\(Disember\)/GSE\\_2017\\_039\\_028\\_rWU83B7NTL.pdf](https://worldconferences.net/proceedings/gse2017/Fullpaper%20(Disember)/GSE_2017_039_028_rWU83B7NTL.pdf) pada 10 Ogos 2018.
- Anuar Ahmad & Nelson Jinggan. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. Dipetik dari [http://juku.um.edu.my/filebank/published\\_article/7376/Artikel\\_5\\_Bil\\_3\\_Isu\\_2.pdf](http://juku.um.edu.my/filebank/published_article/7376/Artikel_5_Bil_3_Isu_2.pdf) pada 10 Mac 2019.
- Azhar Ab. Wahab & Rahim Md. Yassin. (2016). Pengaplikasian Teori Pembelajaran dalam Pembangunan Sistem Reka Bentuk Pengajaran dan Pembelajaran. Dipetik dari [https://www.researchgate.net/publication/298084681\\_Pengaplikasian\\_Teori\\_Pembelajaran\\_dalam\\_Pembangunan\\_Sistem\\_Reka\\_Bentuk\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran](https://www.researchgate.net/publication/298084681_Pengaplikasian_Teori_Pembelajaran_dalam_Pembangunan_Sistem_Reka_Bentuk_Pengajaran_dan_Pembelajaran) pada 12 Mei 2019
- Faizah Ja'apar. (2017). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) daerah Pontian. Dipetik dari [http://eprints.uthm.edu.my/9573/1/FAIZAH\\_JA%E2%80%99APAR.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/9573/1/FAIZAH_JA%E2%80%99APAR.pdf) pada 10 Mac 2018.
- Mohammad Hairy Kharauddinwan, Ahmad Ramzi Wan Yusuf & Norasyikin Amir. (2016). Tahap Kepuasan Pelajar Program Diploma in Rail Signalling Andcommunication Technology Terhadap Penyampaian PdP Dan Kompetensi Pensyarah Bidang: Satu Tinjauan. Dipetik dari [Https://Www.Academia.Edu/40222553/Tahap\\_Kepuasan\\_Pelajar\\_Program\\_Diploma\\_In\\_Rail\\_Signalling\\_And\\_Communication\\_Technology\\_Terhadap\\_Penyampaian\\_Pdp\\_Dan\\_Kopetensi\\_Pensyarah\\_Bidang\\_Satu\\_Tinjauan](Https://Www.Academia.Edu/40222553/Tahap_Kepuasan_Pelajar_Program_Diploma_In_Rail_Signalling_And_Communication_Technology_Terhadap_Penyampaian_Pdp_Dan_Kopetensi_Pensyarah_Bidang_Satu_Tinjauan) pada 4 April 2021.
- Mohd Faeez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed, Muriyah Abdullah. (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari. Dipetik dari <http://docplayer.net/47510051-Sumber-bahan-bantu-mengajar-dalam-kalangan-guru-pendidikan-islam-sekolah-bestari.html> pada 19 Ogos 2019.
- Mohd Nasri Abdullah. (2017). Pengamalan Kompetensi Dalam Kalangan Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Dipetik dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/79146/1/MohdNasriAbdullahPFTI2017.pdf> pada 11 April 2020.
- Mohd Rakime Shaffai, Mohd Hoirie bin Abdul Manah & Amirudin Mohd Salim. (2015). Melahirkan Pensyarah Cemerlang: Kajian Terhadap Elemen Kemahiran Yang Perlu Dimiliki Oleh Pensyarah Politeknik Merlimau, Melaka. Dipetik dari [http://www.pmm.edu.my/zxc/pustaka/writing/pmmfasa2/PROSIDINGPENSYARAH%20CE MERLANG-MOHD%20RAKIME%20\(1\).pdf](http://www.pmm.edu.my/zxc/pustaka/writing/pmmfasa2/PROSIDINGPENSYARAH%20CE MERLANG-MOHD%20RAKIME%20(1).pdf) pada 24 April 2021.
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA. Dipetik dari [http://eprints.uthm.edu.my/7073/1/NORAZRI\\_BIN\\_MOHD\\_ZAIDIN\\_24.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/7073/1/NORAZRI_BIN_MOHD_ZAIDIN_24.pdf) pada 23 Mei 2019.
- Norul Haida Reduzan, Zulkifli Osman, Abdullah Yusof. (2018). Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21. Dipetik dari <https://icsai.org/procarch/9iclehi/9iclehi-036.pdf> pada 02 Februari 2020.
- Nurul Syahrina Mohd Shahar & Fadhlina Ahmad. (2015). Keberkesanan Pemantauan Pembelajaran Dan Pengajaran Terhadap Pensyarah Di Kolej Komuniti Hulu Langat, Kementerian Pendidikan Malaysia. Dipetik dari [Https://Www.Academia.Edu/14475772/Keberkesanan\\_Pemantauan\\_Pembelajaran\\_Dan\\_Pengajaran\\_Terhadap\\_Pensyarah\\_Di\\_Kolej\\_Komuniti\\_Hulu\\_Langat\\_Kementerian\\_Pendidikan\\_Malaysia](Https://Www.Academia.Edu/14475772/Keberkesanan_Pemantauan_Pembelajaran_Dan_Pengajaran_Terhadap_Pensyarah_Di_Kolej_Komuniti_Hulu_Langat_Kementerian_Pendidikan_Malaysia) pada 31 Januari 2019.

- Roslinawati Ibrahim. (2016). Impak Kualiti Perkhidmatan Dan Fasiliti Terhadap Keberkesanan Pengendalian Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Universiti Islam Melaka. Dipetik dari file:///C:/Users/user/Downloads/154-275-1-SM.pdf pada 26 November 2019.
- Zahanim Ahmad. (2017). Hubungan Persekutaran Akademik Di Kalangan Pelajar Universiti: Kajian Perbandingan Di Antara Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia Dan Pelajar Universiti Chiang Mai Thailand. Dipetik dari <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/sosiologi/12-ZAHANIM-AHMAD.pdf> pada 27 Jun 2020.